


Perkembangan dan Tumbesaran

OROFASIAL



7.643
LUK

Douglas Alwyn Luke
Siti Ruhaini Abdul Rahman

Perkembangan dan Tumbesaran **OROFASIAL**

Douglas Alwyn Luke
Siti Ruhaini bt. Abdul Rahman

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI • 2004

<http://www.penerbit.ukm.my>

PUSTAKA PERDANA



1009416

K a n d u n g a n

Prakata . . . 7

Bab 1 Perkembangan Muka dan Kaviti Oral . . . 9

Bab 2 Perkembangan Gigi: Pembentukan Korona . . . 25

Bab 3 Pembentukan Akar dan Tisu Penyokong . . . 43

Bab 4 Perkembangan Tengkorak dan Rahang . . . 55

Bab 5 Tumbesaran Tengkorak dan Rahang . . . 67

Bab 6 Pengeruptan, Pengeksfoliatan dan
Sesaran Aproksimal Gigi . . . 85

Bibliografi . . . 103

Indeks . . . 107

Prakata

Kami telah menulis buku ini dengan tujuan membantu pelajar-pelajar pergigian memahami bagaimana gigi berkembang dan bagaimana rahang mengalami tumbesaran. Pengetahuan mengenai perkembangannya merupakan kunci kepada kefahaman mengenai anatomi dari struktur yang lengkap. Tetapi apa yang lebih penting adalah membantu menerangkan jenis kelainan yang mungkin terjadi. Beberapa dekad kebelakangan ini banyak kerja penyelidikan mengenai perkembangan gigi dan kraniofasial yang telah dijalankan menggunakan teknik biologis molekular yang baru dan mantap. Dalam buku kecil ini kami tidak cuba mengulas secara komprehensif hasil penyelidikan yang terkini kerana ulasan sedemikian adalah sangat luas dan juga kerana banyak kawasan biologi kraniofasial yang belum lengkap.

Bahan yang dirangkumi dalam buku ini lazimnya diajarkan kepada pelajar sebagai sebahagian daripada kursus anatomi pergigian, yang memberi fokus kepada gigi secara eksklusif. Walau bagaimanapun mempelajari mengenai gigi tidak boleh dilakukan secara berasingan. Adalah jelas struktur dan fungsi kegigian menentukan bentuk rahang. Adalah juga benar walaupun tidak begitu jelas tumbesaran tengkorak terutamanya bahagian dasar tengkorak boleh mempengaruhi hubungan gigi atas dan bawah. Diharapkan bab mengenai tumbesaran kraniofasial dapat menunjukkan kepada doktor gigi terutamanya pakar otodontik dan pedodontik betapa perlunya pengetahuan yang mencukupi mengenai tumbesaran tengkorak dan mendedahkan mereka kepada idea mengenai bagaimana tumbesaran ini dikawal.

Untuk melengkapkan pengetahuan mengenai perkembangan kegigian, kami sertakan juga penjelasan mengenai perubahan histologi yang mengiringi proses pengeruptan dan sesaran mesial gigi. Topik-topik inilah yang telah menarik perhatian pakar biologi mulut sepanjang lima puluh tahun kebelakangan ini. Ramai di antara mereka yang telah menggembelngkan tenaga menjalankan kajian untuk mencari penyebab pergerakan gigi secara semula jadi. Kami telah membuat ulasan mengenai beberapa pendapat yang telah dicadangkan sebagai

penjelasan kepada pengeruptan dan sesaran mesial dan mencadangkan teori yang mana yang lebih diterima pakai pada masa kini dan dalam tahap pengetahuan yang ada sekarang.

Buku ini merangkumi lebih kurang sepertiga dari kursus anatomi pergigian manakala buku-buku yang lain di pasaran merangkumi topik selainnya iaitu struktur tisu keras gigi, histologi mukosa oral dan ligamen periodontium dan juga morfologi setiap gigi dengan terperinci. Kami berpendapat terdapat beberapa kebaikan jika kita mempunyai satu siri buku-buku kecil untuk merangkumi keseluruhan bahan yang selalunya ditulis dalam satu atau bab yang besar. Setelah beberapa tahun didapati buku teks anatomi oral dan histologi yang standard dan besar telah berkembang pada setiap edisi baru yang mana sekarang sering mengandungi bahan yang terlalu terperinci lebih daripada yang diperlukan untuk pelajar ijazah pertama. Buku yang besar dan berat tidak mudah dibawa ke mana-mana sedangkan buku yang kecil mudah dibawa ke mana saja dan juga mudah untuk mengulang kaji.

Kami menggalakkan pelajar menandakan istilah, buat tanda tanya dan membuat nota ringkas di pinggir muka surat. Dengan kata lain membuat catatan teks yang tercetak supaya lebih jelas dengan idea baru mereka dan juga fakta baru. Di akhir setiap bab kami telah menyediakan beberapa soalan untuk memfokus minda pembaca dan merangsang idea mereka. Jawapan kepada soalan-soalan ini boleh diperolehi dari teks tetapi pembaca digalakkan untuk membuat rujukan sekiranya mereka ingin mendalami pengetahuan mereka.

Buku ini juga menerangkan beberapa kawasan yang sedang diselidiki dengan aktif. Ada kemungkinan beberapa fakta telah menjadi tidak terkini pada waktu ia dicetak. Oleh itu apa yang telah kami tulis bukan merupakan versi yang akhir.

Douglas Alwyn Luke
Siti Ruhaini Abdul Rahman